

25/02/2001

Sikap dolak-dalik bukti Pas angkuh

Manzaidi Mohd Amin

KOTA BHARU: Sikap berdolak dalik Pas, termasuk mengemukakan pelbagai syarat baru kepada Umno sebelum bersetuju mengadakan pertemuan, membuktikan parti itu cuba menutup pintu perbincangan mengenai perpaduan Melayu.

Tindakan itu juga menunjukkan Pas sebenarnya mahu melihat orang Melayu terus berpecah, kata Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamad.

Beliau berkata, Pas yang kini berasakan sudah kuat menyebabkan parti itu mula menunjukkan keangkuhan dengan menolak cadangan Umno untuk mengadakan perbincangan mengenai perpaduan orang Melayu.

Katanya, berdasarkan kenyataan pemimpin Pas dalam ceramah di kampung-kampung yang mendakwa berjuang berlandaskan al-Quran dan hadis sebenarnya tidak ikhlas dalam perjuangannya.

"Kalau kita lihat kenyataan pemimpin Pas, sama ada rasmi atau tidak rasmi ... apa yang dicakapkan (melalui ceramah) mempunyai isyarat mereka hendak menutup pintu (pertemuan dengan Umno).

"Kata-kata mereka seolah-olah tidak mahu pertemuan itu diadakan. Apa salahnya kalau kita (umat Islam) mengeratkan hubungan peribadi dan profesional. Jadi, kita berasa dukacita dengan sikap angkuh pembangkang ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis Graduasi Pertama Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL) Kota Bharu, di sebuah hotel, di sini, semalam.

Beliau mengulas kesediaan Majlis Tertinggi (MT) Umno berbincang mengenai apa saja isu dengan Pas asalkan tidak meletakkan sebarang syarat.

Mesyuarat MT Khamis lalu memutuskan, Umno masih bersedia mengadakan pertemuan dengan Pas mengenai perpaduan Melayu tetapi tidak dapat memenuhi syarat terbaru Pas kerana di luar bidang kuasanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata, Umno tidak dapat memenuhi syarat Pas seperti pemberian balik wang royalti kepada Terengganu dan penerbitan Harakah lapan kali sebulan kerana bukan bidang kuasanya walaupun boleh merujuk kepada kerajaan.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan berkata, pada awalnya cadangan pertemuan itu untuk perpaduan Melayu tetapi Umno sanggup bincang apa saja sebagai membuktikan keikhlasan dan sikap terbuka.

"Pas enggan mengadakan pertemuan mungkin kerana selesa dengan perjuangannya untuk melihat orang Melayu terus berpecah.

"Sebagai ahli politik kita harus profesional dan bijak menilai, tidak boleh terlalu emosi menyebabkan rakyat di bawah menjadi mangsa.

"Kalau dari atas (pemimpin tertinggi) bagi isyarat secara automatik di bawah (akar umbi) pun akan berubah. Sebab sekarang kita lihat hubungan antara kedua-dua parti agak tegang," katanya.

Beliau berkata, bagi Umno pertemuan untuk menyelesaikan beberapa isu yang berlaku dalam negara kebelakangan ini agak serius membabitkan kerenggangan hubungan pemimpin kerajaan dengan pembangkang.

"Sebenarnya menerusi pertemuan itu ia akan dapat merapatkan hubungan silaturahim dan boleh memberi kesan baik pada peringkat akar umbi yang ketika ini dilihat ada ketegangan," katanya.

(END)